

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SURAT RUJUKAN (SALINAN KEDUA) DAN PEMBEKALAN UBAT KEPADA PESAKIT YANG DIRUJUK BAGI MENERUSKAN RAWATAN DI FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. PENGENALAN

Polisi Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan bahawa pesakit yang telah stabil dirujuk ke fasiliti kesihatan (hospital atau klinik kesihatan) yang berhampiran bagi meneruskan rawatan dengan menggunakan borang rujukan. Pengendalian surat rujukan (salinan kedua) dan pembekalan ubat kepada pesakit adalah penting memandangkan bukan semua fasiliti yang dirujuk menyimpan ubat-ubatan tertentu sebagai stok. Jabatan Farmasi Hospital / Klinik Kesihatan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat polisi / prosedur untuk menyerahkan salinan kedua kepada Pegawai Farmasi di fasiliti di mana pesakit dirujuk.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan kesediaan bekalan ubat di fasiliti yang dirujuk
- 2.2 Menjamin kesinambungan rawatan pengubatan pesakit

3. SKOP

Garis panduan ini digunapakai untuk semua kes discaj dari wad dan klinik-klinik pakar hospital bagi meneruskan rawatan di fasiliti lain di bawah KKM.

4. TERMINOLOGI

- 4.1. Fasiliti Kesihatan – Hospital, Klinik Kesihatan dan Institusi Kesihatan di bawah KKM
- 4.2. Salinan Kedua – Surat Rujukan yang digunapakai untuk merujuk pesakit dari satu fasiliti ke fasiliti lain di bawah KKM.
- 4.3. PF – Pegawai Farmasi
- 4.4. PPF – Penolong Pegawai Farmasi

5. PROSEDUR

5.1. Prosedur Merujuk Pesakit Oleh Pegawai Perubatan

- 5.1.1. Isi surat rujukan (Lampiran 1)
- 5.1.2. Beri salinan pertama kepada pesakit untuk dibawa ke fasiliti yang dirujuk
- 5.1.3. Beri salinan kedua kepada PF fasiliti yang merujuk
- 5.1.4. Simpan salinan ketiga kedalam fail pesakit di fasiliti yang merujuk

5.2. Prosedur Penerimaan Salinan Kedua Oleh PF Di Fasilitas Yang Merujuk

- 5.2.1. Terima salinan kedua daripada Pegawai Perubatan
- 5.2.2. Semak regimen ubat-ubatan pesakit dengan Jabatan / Unit Farmasi di fasilitas yang dirujuk. Sekiranya **fasiliti yang dirujuk tidak menyimpan** regimen ubat-ubatan tersebut, **fasiliti yang merujuk perlu membekalkan** ubat-ubatan pesakit yang dirujuk sekurang-kurangnya sehingga temujanji berikutnya
- 5.2.3. Bincang dengan PF di fasilitas yang dirujuk mengenai bekalan susulan seterusnya

5.3. Prosedur Penghantaran Salinan Kedua Kepada PF Di Fasilitas Yang Dirujuk

- 5.3.1. Faks / pos salinan kedua kepada PF fasilitas yang dirujuk
- 5.3.2. Sertakan ubat-ubatan pesakit ke fasilitas yang dirujuk sekiranya berkenaan, sebelum tarikh temujanji yang berikut
- 5.3.3. Failkan sesalinan salinan kedua tersebut

5.4. Prosedur Penerimaan Salinan Kedua Oleh PF Di Fasilitas Yang Dirujuk

- 5.4.1. Terima salinan kedua bersama bekalan ubat-ubatan sekiranya berkenaan
- 5.4.2. Maklumkan penerimaan salinan kedua kepada PF fasilitas yang merujuk
- 5.4.3. Semak regimen ubat-ubatan pesakit dan bekalan ubat, sekiranya berkenaan
- 5.4.4. Daftar pesakit yang dirujuk kedalam Buku Daftar Pembekalan Ubat (Lampiran 2)
- 5.4.5. Failkan salinan kedua yang diterima
- 5.4.6. Bekalkan ubat-ubatan kepada pesakit yang dirujuk pada hari temujanji yang ditetapkan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SURAT RUJUKAN
HOSPITAL _____

Tarikh Temujanji:

Rujukan mestilah kepada Pegawai Perubatan / Pendaftar / Pakar / Pengarah Hospital

Kepada :	Jabatan / Unit :
----------	------------------

Tarikh :	Masa :
----------	--------

Nama Pesakit :	Umur :
----------------	--------

No.K/P :	Jantina :
----------	-----------

No. Rujukan Tuan :	No. Rujukan Kami :
--------------------	--------------------

History & Physical Findings :

Results of Investigations :

Diagnosis :

Treatment :

Purpose of Referral :

Daripada Pegawai Perubatan / Pendaftar / Pakar / Pengarah Hospital

Nama :	Tandatangan :
--------	---------------

Hospital / Jabatan / Unit :	Tel :
-----------------------------	-------

Nota : Sila isi borang dalam 3 salinan

Salinan Pertama	:	Diberi kepada pesakit (untuk diberi kepada doktor di institusi yang dirujuk)
Salinan Kedua	:	Diberi kepada Pegawai Farmasi hospital merujuk (untuk difaks/ pos kepada Pegawai Farmasi hospital / klinik dirujuk)
Salinan Ketiga	:	Disimpan dalam fail pesakit

Tahun : _____

[illegible]